

# **NILAI PENDIDIKAN DALAM BAHAN PENGAJARAN MULTIMEDIA KARTUN ANIMASI UPIN DAN IPIN UNTUK MURID SEKOLAH RENDAH**

## ***ELEMENTS OF EDUCATION IN UPIN DAN UPIN ANIMATED CARTOON MULTIMEDIA AS A TEACHING MATERIALS FOR PRIMARY SCHOOL PUPILS***

**Mazarul Hasan Mohamad Hanapi<sup>1</sup>**

**Norazimah Zakaria<sup>2</sup>**

**Norazilawati Abdullah<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.  
(Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.  
(Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.  
(Email: nora@fpm.upsi.edu.my)

**Accepted date:** 21-01-2019

**Published date:** 10-03-2019

**To cite this document:** Hanapi, M. H. M., Zakaria, N., & Abdullah, N. (2019). Nilai Pendidikan dalam Pengajaran Multimedia Kartun Animasi dan Ipin untuk Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(4), 12-23.

**Abstrak:** Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur pendidikan ataupun nilai yang terdapat dalam bahan multimedia kartun animasi Upin dan Ipin. Ia dilihat mampu memberi nilai yang baik dan mampu memberi kesan yang besar dalam pendidikan murid sekolah rendah. Pendekatan pengajaran berdasarkan multimedia mampu memindahkan sesuatu maklumat daripada buku teks yang statik kepada suatu corak pembelajaran yang menarik. Di sini animasi memainkan peranan penting bagi menceriakan lagi persembahan sesebuah informasi. Perkara ini penting untuk memastikan murid dapat menumpukan perhatian dan tidak merasa jemu ketika proses pengajaran dan pembelajaran serta mendapat ilmu yang berterusan. Makalah ini akan memanfaatkan teori Konstruktivisme. Menurut Post & Weingartner (1969) konstruktivisme ialah satu pengetahuan baru tentang ilmu pengetahuan dan cara bagaimana manusia memperoleh ilmu pengetahuan. Pandangan baru ini menganggap pelajar bukan hanya menerima pengetahuan secara pasif daripada gurunya tetapi membina pengetahuannya melalui interaksi dengan persekitarannya. Pembelajaran secara konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Nilai pendidikan yang difokuskan dalam bahan multimedia kartun animasi Upin dan Ipin adalah nilai murni dan ia

dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan. Wan Mohd. (1988) mentakrifkan nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Justeru, pendidikan yang kaya dengan nilai-nilai murni khususnya dalam bahan pengajaran terpilih perlu dititikberatkan agar dapat membina modal insan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Animasi, Multimedia, Upin dan Ipin, Sekolah Rendah, Konstruktivisme

*Abstract: The purpose of this paper is to identify elements of education or elements that are found in Upin dan Ipin animated cartoon multimedia materials. It is seen to be able to provide good values and give a huge impact on the education of primary school pupils. The multimedia-based teaching approach is able to transfer some information from still textbooks into exciting learning patterns. Here, animation plays a significant role in making the presentation of certain information to be more appealing. This is important to ensure the pupils are able to be attentive and not be bored during the teaching and learning process, and at the same time receive continuous knowledge. This research will capitalise on the Constructivism Theory. According to Post & Weingartner (1969), constructivism is a new form of knowledge about knowledge and how man acquires knowledge. This new standpoint makes the assumption that students do not only receive knowledge passively from their teacher but also construct their knowledge from their interactions with their surroundings. Constructive learning holds a position where students create their own knowledge or concept based the existing knowledge and experience. The values of education that are focused on in Upin dan Ipin animation cartoon multimedia materials are pure values and they can be defined as good behaviour, being civilised and having individual human decencies in their relationship with man, nature and God. Wan Mohd. (1988) defined pure values as impressions on what is desired and at the same time they become the criteria or standard. Therefore, education that is rich in pure values, especially in selected teaching materials, has to be given much emphasise as so it could create excellent human capitals of the future.*

**Keywords:** Animation, Multimedia, Upin dan Ipin, Primary Schools, Constructivism

---

## Pengenalan

Sistem pendidikan negara kini telah mengalami satu fenomena penyesuaian matlamat dan kurikulum selaras dengan perkembangan teknologi maklumat (Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM, 1999). Kecanggihan dunia teknologi maklumat dan komunikasi kini telah memberi impak positif dalam pendidikan dunia khususnya negara-negara yang sedang membangun. Kaedah pengajaran berdasarkan komputer dan teknologi maklumat berupaya menggantikan kaedah konvensional dengan pelbagai cara. Dalam usaha untuk merealisasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan teknologi multimedia dalam dunia pendidikan, KPM (1999) telah berusaha memajukan sistem pendidikan yang menerapkan elemen teknologi maklumat dalam bidang pendidikan.

Multimedia mampu memberi kesan yang besar dalam pendidikan. Pendekatan pengajaran berdasarkan multimedia mampu memindahkan sesuatu maklumat daripada buku teks yang statik kepada suatu corak pembelajaran yang menarik. Di sini animasi memainkan peranan penting bagi menceriakan lagi persembahan sesebuah informasi. Perkara ini penting untuk memastikan murid dapat menumpukan perhatian dan tidak merasa jemu ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

Berikutnya dengan itu, Tranformasi Kurikulum Kebangsaan diperkenalkan bertitik tolak daripada keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2008. Tranformasi ini

digagaskan sebagai satu usaha penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara terutamanya di peringkat sekolah rendah yang dirasakan perlu dilaksanakan supaya kurikulum persekolahan memenuhi keperluan dan cabaran semasa serta akan datang. Tujuan transformasi adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Selaras dengan transformasi tersebut, maka penggunaan multimedia merupakan salah satu langkah permulaan yang terbaik kepada para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Jamalludin dan Zaidatun (2003) serta Zamri dan Nur Aisyah (2011), multimedia membuka ruang kepada pendidik mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran, manakala murid diberi peluang untuk memegang kuasa kawalan bagi sesuatu sesi pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa multimedia mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik berbanding kaedah konvensional yang hanya berpandukan buku teks.

Upin dan Ipin ialah tajuk bagi sebuah siri animasi tayangan singkat yang dihasilkan oleh syarikat animasi Les'Copaque di Malaysia, dan juga nama bagi dua watak utama siri ini. Upin dan Ipin merupakan keluaran sampingan bagi filem *Geng: Pengembaraan Bermula* yang juga menampilkan watak utama siri animasi tersebut. Upin dan Ipin dan Kawan-kawan merupakan siri animasi yang menceritakan kisah sepasang kembar 5 tahun yang menjalani kehidupan mereka sehari-hari yang penuh dengan aktiviti menarik dan pengembalaan yang mendebaran. Atas kejayaan menambat hati penonton serantau, Upin dan Ipin disenaraikan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai "Animasi Paling Berjaya" pada tahun 2011 (*Kosmo*, 7 Mei 2014). Disebabkan latar tempat dan latar masa yang sesuai dengan murid sekolah rendah maka siri animasi ini amat sesuai digunakan sebagai bantu mengajar kerana banyak menerapkan unsur pendidikan yang baik.

Objektif kajian bagi makalah ini adalah untuk mengenal pasti unsur pendidikan ataupun nilai yang terdapat dalam bahan multimedia kartun animasi Upin dan Ipin. Ia dilihat mampu memberi nilai yang baik dan mampu memberi kesan yang besar dalam pendidikan murid sekolah rendah.

### **Kajian Lepas**

Kajian tentang nilai budi dilakukan oleh (Norita Ariffin, 2006; Dahlia bt Md Yusoff, 2017); nilai Islam (Kasmaizun Enuni bt Mohd Sarji & Kamariah bt Kamarudin, 2017); nilai kepimpinan (Maryam Syafiqah Mohd Sayuti & Jamilah Omar, 2017) nilai murni (Siti Faridah Leong bt Abdullah & Bazrul bin Bahaman, 2017) dan nilai-nilai murni KBSM (Nurul Raihana bt Abdullah & Norila bt Md Salleh, 2016). Nilai budi oleh (Norita Ariffin, 2006; Dahlia bt Md Yusoff, 2017) berfokus kepada pantun dan lagu rakyat. Manakala nilai Islam oleh Kasmaizun (2017) menjurus kepada teks *Misa Melayu*. Kajian nilai murni oleh (Siti Faridah Leong bt Abdullah & Bazrul bin Bahaman, 2017); (Nurul Raihana bt Abdullah & Norila bt Md Salleh, 2016) berfokus kepada beberapa nilai daripada 16 nilai murni yang terdapat dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kebanyakan nilai yang dilihat menjurus kepada teks, dan novel. Ia berbeza dengan makalah ini kerana nilai pendidikan yang dilihat menggunakan bahan yang berbeza iaitu bahan multimedia kartun animasi Upin dan Ipin.

### **Metodologi Kajian**

Kaedah kajian bagi makalah ini adalah kaedah kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan teori Konstruktivisme. Kaedah kepustakaan dilakukan bagi melihat aspek nilai dan kajian tentang bahan iaitu kartun animasi Upin dan Ipin. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang berkaitan dengan maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian. Teori konstruktivisme melalui lima fasa Needham digunakan untuk melihat pengajaran nilai

dengan lebih baik. Huraian tentang nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam kartun animasi Upin dan Ipin turut dibincangkan.

### **Teori Konstruktivisme**

Menurut Post & Weingartner (1969) konstruktivisme ialah satu pengetahuan baru tentang ilmu pengetahuan dan cara bagaimana manusia memperoleh ilmu pengetahuan. Pandangan baru ini menganggap pelajar bukan hanya menerima pengetahuan secara pasif daripada gurunya tetapi membina pengetahuannya melalui interaksi dengan persekitarannya. Pembelajaran secara konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.

Konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, pelajar akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu. Pengetahuan yang dipunyai oleh pelajar adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh pelajar tersebut dan bukan pengajaran yang diterima secara pasif. Guru pula berperanan sebagai fasilitator yang membantu pelajar membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah. Guru akan mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar dan merancang kaedah pengajarannya dengan sifat asas pengetahuan tersebut.

Nilai yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) adalah sebanyak 17. Nilai tersebut adalah seperti baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, patriotisme, rasional dan semangat bermasyarakat.

Berdasarkan 17 nilai yang terkandung dalam HSP, nilai yang sering terdapat dalam siri animasi Upin dan Ipin adalah nilai baik hati, hormat-menghormati, kasih sayang, kejujuran, keberanian, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran dan semangat bermasyarakat. Walau bagaimanapun, nilai lain masih terdapat dalam kartun ini tetapi nilai-nilai tersebut tidak begitu kerap berbanding nilai-nilai yang telah dinyatakan seperti di atas. Kesemua nilai ini boleh dikenal pasti oleh murid dalam kartun animasi Upin dan Ipin berdasarkan dialog dan sikap yang ditonjolkan dalam animasi tersebut.

### **Pengajaran Nilai yang Terdapat dalam Kartun Animasi Upin dan Ipin**

Terdapat 5 fasa strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan konstruktivisme iaitu orientasi, pencetusan idea, penstrukturkan semula idea, aplikasi idea dan refleksi. Needham juga berpendapat bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang berfasa ini membolehkan pelajar membuat pertimbangan semula idea mereka dalam proses pembinaan pengetahuan yang baharu. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, hasil di akhir ini amat perlu untuk dilihat proses perubahan tingkah laku. Namun begitu, ahli-ahli konstruktif mencadangkan bahawa pelajar-pelajar boleh membina pengalaman baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada. Perubahan ini adakalanya wajar untuk memberi penjelasan berdasarkan pemerhatian mereka, makna akan dibina oleh individu dengan menambahkan atau mengubahsuaikan idea yang sedia ada. (Needham, 1987)

Lima fasa Needham:

Fasa Orientasi: Tayangan kartun animasi Upin dan Ipin

Fasa Pencetusan idea: Sesi bersoaljawab tentang tayangan video yang memungkinkan proses dorongan pemikiran berlaku. Fokus kepada nilai.

Fasa penstrukturran semula idea: Fasa ini mempunyai tujuan untuk mengubahsuai idea dahulu melalui perbandingan dengan idea saintifik atau menyiasat. Idea-idea baharu akan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk dan aktiviti yang relevan dan bersesuaian harus dirangka untuk mencambah konsep-konsep yang baharu. Proses penyesuaian cerita dengan nilai yang terdapat dalam cerita. Kepelbagaian nilai yang terdapat dalam kartun animasi Upin dan Ipin yang boleh digunakan dalam subjek Bahasa Melayu. Aspek nilai akan diterangkan oleh guru dalam fasa ini.

Fasa Aplikasi: Pada fasa ini, pelajar diberi peluang mengaplikasikan idea-idea dalam situasi yang baharu. Masalah-masalah melalui lontaran soalan-soalan yang berkoncepkon pemikiran kritis, kritikal dan inovasi harus dikemukakan selaras dengan keupayaan pemikiran yang ada pada pelajar. Pelajar boleh memberikan peristiwa atau cerita lain selain daripada cerita yang terdapat dalam kartun animasi Upin dan Ipin yang boleh dikaitkan dengan nilai.

Fasa refleksi: Guru boleh mengemukakan soalan-soalan yang bersesuaian bagi mengukuhkan memori. Pelajar juga boleh melakukan refleksi atau muhasabah diri daripada nilai yang telah dipelajari.

Sehubungan dengan itu, guru perlu memberikan pengalaman yang dapat mencabar idea yang dimiliki pelajar untuk membantu mereka menstrukturkan semula idea yang baharu. Nilai merupakan cerminan kehidupan masyarakat, iaitu suatu refleksi kehidupan yang diungkap dan dipapar semula dalam bentuk kreatif yang mungkin secara kebetulan mempunyai perkaitan dengan latar hidup pelajar. Melalui pengalaman sedia ada ini, mereka mampu mengolah semula nilai tersebut dalam bentuk yang baharu. Konstruktivisme juga percaya bahawa pelajar membina realiti mereka sendiri atau mentafsir realiti berasaskan pengalaman. Setiap pelajar akan membentuk perwakilan pengetahuan “frame of reference” mereka sendiri melalui pengalaman yang dialami (Johnson & Gott, 1996).

## **Analisis**

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu menjadi mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Kurikulum Bahasa Melayu digubal dengan tujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dan dapat menggunakan tatabahasa secara betul dan tepat. Kurikulum yang disemak semula pada tahun 2003 telah memberikan penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Sehubungan dengan penyemakan semula kurikulum pada tahun 2003 yang memberikan penekanan kepada nilai murni.

Wan Mohd. (1988) mentakrifkan nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Bohm (1981) dan Katz (1981) mendefinisikan nilai sebagai satu set keutamaan yang memberi panduan dalam kehidupan yang melibatkan hubungan intelektual, fizikal, emosi dan sosial seseorang individu.

## **Nilai dalam Bahan Multimedia Kartun Animasi Upin dan Ipin**

Dalam pembelajaran secara konstruktivisme, pengetahuan tidak diterima secara pasif tetapi dibina secara aktif oleh murid. Guru lebih sensitif kepada idea dan persoalan murid. Di

samping itu, guru juga turut menyediakan pengalaman penerokaan yang membolehkan murid menimbul persoalan dan mencadangkan penerangan yang munasabah berdasarkan nilai-nilai yang diperoleh dalam siri animasi Upin dan Ipin.

Murid berpeluang mengemukakan pandangan mereka terhadap sesuatu konsep. Pelajar dapat berkongsi persepsi /pandangan / idea antara satu sama lain. Pelajar dapat menerima serta menghormati semua pandangan daripada rakan-rakan mereka. Semua pandangan diterima dan tidak dipandang rendah. Pelajar dapat mengaplikasi idea baru dalam konteks yang berbeza untuk mengukuhkan kefahaman tersebut. Pelajar dapat merenung atau mengimbas kembali proses pembelajaran yang telah dilalui. Pelajar dapat menghubungkaitkan idea yang asal dengan idea yang baru dibinanya. Pelajar dapat mengemukakan hipotesis daripada aktiviti yang dilaluinya tetapi bukan guru yang menerangkan teori. Pelajar dapat berinteraksi dengan pelajar lain dan guru. Pengajaran berpusatkan kepada pelajar. Guru akan dapat meningkatkan kemahiran berfikir di kalangan pelajarnya. Guru menjadi lebih prihatin terhadap keperluan, kebolehan serta minat pelajar. Guru hanya mengemukakan soalan yang boleh merangsangkan pelajar mencari jawapan.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan konstruktivisme akan memberi peluang kepada guru untuk memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan murid dapat menentukan sendiri masa yang diperlukan untuk memperolehi sesuatu konsep atau pengetahuan. Di samping itu, guru dapat membuat penilaian kendiri dan menilai kefahamannya tentang sesuatu bidang pengetahuan dapat ditingkatkan lagi. Selain itu, beban guru sebagai pengajar akan berkurangan di mana guru lebih bertindak sebagai pemudahcara atau fasilitator.

### ***Nilai Berani***

Dalam rangkuman nilai berani terdapat nilai-nilai yang dimaksudkan hampir sama dengan nilai tersebut seperti tidak takut, dan berjiwa besar. Dalam episod “Gosok Jangan Tak Gosok”, nilai keberanian adalah merupakan nilai yang paling dominan. Misalnya watak Upin dan Ipin yang meminta maaf atas kesalahan yang telah dilakukan kepada opah. Ini jelas menunjukkan watak adik beradik tersebut berani mengaku kesalahan yang telah dilakukan terhadap opah mereka walaupun sedar kebarangkalian akan dihukum oleh opah adalah tinggi.

Satu lagi contoh yang menunjukkan nilai berani adalah seperti Ipin yang mengatakan dia tidak takut untuk berjumpa dengan doktor gigi kerana yakin doktor gigi hanya memeriksa gigi sahaja dan tidak akan mencabutnya. Jelas di sini, watak Ipin yang begitu berani ketika Jarjit dengan sengaja ingin menakut-nakutkan kawannya yang lain dengan mengatakan giginya telah dicabut oleh doktor sebanyak tiga batang. Mendengar cerita yang disampaikan oleh Jarjit ini, maka kawan-kawannya yang lain begitu takut sehingga ada yang menyorok di bawah meja. Nilai berani ini begitu sinonim dengan dunia kanak-kanak.

Nilai berani ini juga terdapat dalam episod “Istimewa Hari Ibu”. Misalnya watak Ipin yang menanyakan kepada gurunya tentang makna hari ibu. Pertanyaan yang dikemukakan oleh Ipin ini sedikit sebanyak membantu kawan-kawan sekelasnya untuk mengetahui dengan lebih lanjut makna hari ibu kerana sebelum ini terdapat banyak kenyataan yang diberikan oleh kawan-kawan yang lain tentang hari ibu namun semuanya tidak tepat.

Penerapan nilai berani ini secara tidak langsung dapat membentuk peribadi murid seperti yang terkandung dalam huraian Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu “Rakyat Malaysia yang Berkeupayaan Mencapai Kesejahteraan Diri”. Apabila nilai berani ini ada dalam setiap diri murid atau pelajar di Malaysia maka segala cabaran, dugaan dan rintangan ketika berada di dalam sekolah mahupun di luar sekolah dapat ditempuh dengan jayanya.

Jadual 1 berikut menunjukkan nilai berani di dalam episod yang lain selain daripada episod “Istimewa Hari Ibu” dan “Gosok Jangan Tak Gosok” di dalam kartun animasi Upin dan Ipin.

<b>Nilai Berani</b>	<b>Episod</b>	<b>Contoh dialog atau perlakuan</b>
- Berani untuk mendapatkan kepastian.	Bila Besar Nanti: Bahagian 1	Upin bertanya kepada Cikgu Jasmin untuk mendapatkan penjelasan mengenai pekerjaan sebagai guru.
- Berani pada diri sendiri.	Bila Besar Nanti: Bahagian 2	Ehsan tampil ke hadapan kelas untuk menceritakan mengenai hasil lukisannya.
- Berani untuk menyatakan sesuatu yang telah dibaca.	Seronoknya Membaca: Bahagian 1	Mei Mei tampil ke hadapan kelas untuk menceritakan apa yang telah dibaca kepada kawan-kawan sekelas dan Cikgu Jasmin.

**Jadual 1: Nilai Berani**

Berdasarkan Jadual 1, nilai berani juga terdapat dalam episod seperti “Bila Besar Nanti Bahagian 1 dan 2”, dan juga episod “Seronoknya Membaca Bahagian 1”. Ini menunjukkan, nilai berani adalah antara nilai yang paling konsisten dalam kartun animasi Upin dan Ipin. Nilai ini seharusnya dapat memberi kesan yang positif kepada penonton terutamanya mereka yang seusia dengan watak yang terdapat dalam kartun animasi Upin dan Ipin.

#### ***Nilai Hormat-menghormati***

Selain itu, nilai hormat-menghormati juga adalah antara nilai yang dominan. Watak utama dalam siri animasi ini iaitu Upin dan Ipin sering kali menonjolkan nilai ini. Walaupun kedu-dua beradik ini nakal, namun apabila mereka terserempak dengan orang yang lebih dewasa, mereka pasti akan mengucapkan salam. Disebabkan nilai inilah semua orang yang berada disekeliling mereka begitu sayang kepada dua beradik ini. Misalnya, setiap kali berada di sekolah, Upin dan Ipin akan mengucapkan salam kepada guru kelas mereka iaitu Cikgu Jasmin. Apabila berada di rumah, mereka juga memberi layanan yang baik kepada opah berbanding kakak sulung mereka iaitu Kak Ros.

Tidak menghairankan sekiranya nilai hormat-menghormati ini merupakan antara nilai yang dominan yang terdapat dalam siri animasi Upin dan Ipin. Nilai wujud dalam hubungan antara subjek dengan objek. Islam mengajar dua asas hubungan nilai iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan antara manusia dengan manusia. Kita sebagai manusia yang hidup di muka bumi ini perlu menghormati antara satu sama lain. Nilai hormat-menghormati ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu “Rakyat Malaysia yang dapat Memberi Sumbangan Terhadap Keharmonian dan Kemakmuran, Keluarga, Masyarakat dan Negara. Nilai ini amat bersesuaian diterapkan kepada murid dari sekolah rendah lagi. Bermula dengan menghormati diri sendiri, hormat kepada kedua ibu bapa, rakan-rakan, jiran-jiran, masyarakat sekeliling seterusnya hormat kepada negara.

Nilai hormat menghormati juga merangkumi jujur, mesra dan lain-lain lagi. Merujuk Jadual 2 terdapat nilai baik hati yang lain.

<b>Nilai Hormat Menghormati</b>	<b>Episod</b>	<b>Contoh Dialog atau Perlakuan</b>
- Memberi salam kepada guru atau orang yang lebih dewasa.	Bila Besar Nanti: Bahagian 1 Bila Besar Nanti: Bahagian 2	Ehsan dan kawan-kawan sekelas yang mengucapkan selamat pagi kepada Cikgu Jasmin.

- Bercakap dengan nada suara rendah di hadapan orang yang lebih dewasa.	Seronoknya Membaca: Bahagian 1	
- Sentiasa merendah diri walaupun diri sendiri mempunyai kelebihan yang tersendiri.	Seronoknya Membaca: Bahagian 1	Cikgu Jasmin mengulas cerita “Arnab dengan Kura-kura” mengenai watak arnab yang sering bercakap besar dan sombang.
- Hormat kepada kawan.	Bila Besar Nanti: Bahagian 2	Perlakuan Mail yang tidak mahu menghormati kawannya Mei Mei

**Jadual 2: Nilai Hormat Menghormati**

Berdasarkan contoh perlakuan nilai hormat-menghormati tersebut, jelas menunjukkan kepada kita bahawa “jika hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya.” Pepatah ini amat bertepatan kepada kita semua jika ingin melahirkan anak yang mempunyai nilai peribadi yang baik seperti nilai hormat-menghormati, maka lakukanlah ketika anak-anak ini masih kecil. Ini dapat dilihat dalam siri animasi Upin dan Ipin yang mana sejak di sekolah lagi Ehsan dan kawan-kawannya telah diajar menghormati guru. Setiap kali Cikgu Jasmin masuk ke dalam kelas, anak didiknya pasti akan mengucapkan salam. Masyarakat Melayu memang terkenal dengan sifat itu. Malah banyak peribahasa Melayu yang menunjukkan nilai menghormati seperti “Jangan menjaga tepi kain orang”, “Yang tua dihormati dan yang muda dikasihi” dan banyak lagi.

Sikap hormat-menghormati itu seharusnya bermula dari rumah. Anak-anak perlu menghormati kedua ibu bapa. Dalam masyarakat pula, anak buah perlu menghormati ketua dan seterusnya. Sekiranya nilai hormat-menghormati ini tidak diamalkan, maka pepatah Melayu dahulu “yang tua dihormati dan yang muda dikasihi” bakal menjadi “yang tua tak perlu dipeduli dan yang muda mesti dikasihi”. Apabila ini berlaku, tidak mustahil sikap menghormati sesama kita terus lenyap seandainya ia dibiarkan berlalu ditambah lagi dengan sifat dengki dan iri hati yang semakin membiak dalam kalangan kita. Akhirnya kita semakin layu.

### ***Nilai Baik Hati***

Baik hati boleh diistilahkan sebagai sikap yang sentiasa mengambil berat perasaan dan kebijakan orang lain secara tulus ikhlas. Sikap baik hati ini boleh dilihat dengan menilai tindak-tanduk seseorang terhadap orang lain.

Contoh bentuk baik hati yang merujuk dalam perkataan adalah seperti “Cikgu, biar saya tolong angkat buku ni,” kata Ehsan kepada Cikgu Jasmin. Dalam siri animasi Upin dan Ipin, nilai baik hati ini dapat dilihat dengan perbuatan watak Ehsan yang membantu Cikgu Jasmin membawa beg tanpa perlu disuruh. Perbuatan Ehsan ini memang selalu berlaku di sekolah apabila murid-murid membantu guru-guru mereka membawa beg yang berisi buku untuk dibawa ke bilik guru ataupun ke kelas. Secara tidak langsung, apabila murid sudah biasa dengan kaedah tayangan animasi di dalam kelas, tidak mustahil apabila murid berada di luar atau di dalam lingkungan sesi persekolahan mereka dapat mengingat semula perbuatan tersebut adalah baik hati.

Selain Ehsan, Upin dan Ipin juga ada menunjukkan nilai baik hati. Mereka sering memberi bantuan secara ikhlas kepada Cikgu Jasmin serta rakan sekelas yang lain. Apabila berada di rumah, adik-beradik kembar ini turut akan memberi bantuan kepada opah sama ada ketika

diminta atau tidak. Walaupun sering bertekak dengan Kak Ros, namun watak Upin dan Ipin ini juga kadang kala dapat dilihat akan membantu kakak mereka. Berikut adalah contoh nilai baik hati yang lain.

<b>Nilai Baik Hati</b>	<b>Episod</b>	<b>Contoh Dialog dan Perlakuan</b>
- Menolong cikgu	- Kami 1 Malaysia	Ehsan membantu Cikgu Jasmin mengangkat barang untuk masuk ke kelas.
- Menolong opah	- Berkebun: Bahagian 1	Upin, Ipin dan Mei Mei membantu opah semasa di kebun.
- Menolong orang yang memerlukan	- Basikal Baru	Tok Dalang membantu menghasilkan basikal yang unik kepada Upin dan Ipin.

**Jadual 3: Nilai Baik Hati**

Nilai baik hati penting dalam mendidik masyarakat. Mutakhir ini, nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat semakin pudar. Hal ini terjadi demikian kerana sikap ibu bapa yang tidak prihatin terhadap kepentingan nilai-nilai ini dalam diri anak-anak mereka. Jika nilai-nilai murni ini tidak dipupuk maka negara kita akan dahagakan masyarakat yang saling bersatu padu. Oleh itu, nilai-nilai murni ini haruslah dipupuk sejak di bangku sekolah lagi kerana ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’.

Nilai baik hati banyak terdapat semasa watak utama siri animasi Upin dan Ipin ini berada bersama opah. Misalnya dalam episod “Berkebun: Bahagian 1 dan 2”. Hubungan yang rapat antara cucu dan opah ini memungkinkan nilai baik hati banyak berlaku semasa mereka duduk bersama. Disebabkan peranan yang dimainkan oleh opah telah menjadikan kedua adik beradik kembar ini sering mengamalkan nilai baik hati. Selain itu, ada juga nilai ini yang menunjukkan Upin dan Ipin yang membantu kawan-kawan yang lain. Misalnya dalam episod “Kami 1 Malaysia”.

### ***Nilai Kejujuran***

Jujur dapat diertikan boleh menjaga amanah. Jujur merupakan salah satu sifat manusia yang mulia. Orang yang memiliki sifat jujur biasanya akan mendapat kepercayaan daripada orang lain. Sifat jujur merupakan salah satu rahsia diri seseorang untuk menarik kepercayaan umum kerana orang yang jujur senantiasa berusaha untuk menjaga amanah. Jika orang yang memegang amanah adalah orang yang jujur maka amanah tersebut tidak akan terabaikan dan dapat terjaga atau terlaksana dengan baik. Begitu juga sebaliknya, jika amanah tersebut jatuh ke tangan orang yang tidak jujur maka ‘keselamatan’ amanah tersebut pasti ‘tidak akan tertolong’.

Dalam siri animasi Upin dan Ipin ini watak Mail sering dikaitkan dengan kejujuran. Mail merupakan antara kawan baik Upin dan Ipin. Walaupun rajin, namun Mail sering kali melakukan perbuatan berbohong kepada kawan-kawan yang lain. Misalnya Mail yang berbohong kepada kawan-kawan dan Cikgu Jasmin bahawa hari lahirnya bakal tiba sedangkan hari lahirnya yang sebenar belum tiba. Murid sepatutnya mengamalkan nilai kejujuran sekiranya ingin berjaya. Masyarakat Melayu itu sendiri amat menitikberatkan nilai kejujuran dalam mendidik anak mereka. Apabila perlakuan jujur ini tidak dilakukan maka akan terdapat hukuman yang akan diberikan sama ada dalam bentuk fizikal maupun mental. Pepatah Melayu sendiri ada menyebut, “Harapkan pagar, pagar makan padi”. Pepatah ini merujuk kepada ketidakjujuran seseorang individu setelah diberi sesuatu amanah.

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan terkandung frasa “Rakyat Malaysia yang Berakhhlak Mulia”. Frasa ini jika dihuraikan merujuk kepada usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan perlakuan baik seperti jujur dan menghindari perlakuan buruk yang banyak memberi kesan yang buruk kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Contoh lain yang menunjukkan nilai-nilai jujur.

<b>Nilai Kejujuran</b>	<b>Episod</b>	<b>Contoh Dialog dan Perlakuan</b>
-patuh pada arahan	Seronoknya Membaca: Bahagian 1	Mail berbohong kepada Cikgu Jasmin dengan mengatakan dia sudah habis membaca buku cerita “Arnab dengan Kura-kura”.
-tidak bercakap bohong	Berkebun: Bahagian 1	Mail berbohong kepada opah, Kak Ros dan kawan-kawannya bahawa dia yang menanam sayur.

**Jadual 4: Nilai Kejujuran**

Nilai kejujuran adalah antara nilai yang paling penting dalam kehidupan kita sehari-hari. Sekiranya nilai kejujuran tiada dalam masyarakat, banyak kesan buruk akan berlaku yang menyebabkan kerugian kepada banyak pihak. Dalam pantun Melayu ada menyatakan, “Siakap senohong, gelama ikan duri, bercakap bohong lama-lama mencuri.” Ini jelas kepada kita mengapa nilai kejujuran itu amat penting dihayati dan diamalkan. Dalam siri animasi ini, watak Mail banyak menunjukkan nilai kejujuran yang tidak diamalkan. Akibat sering berbohong, kawan-kawan serta Cikgu Jasmin selalu menegur sikap Mail itu.

#### ***Nilai Kerajinan***

Kerajinan diertikan sebagai usaha yang berterusan penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi, dan berdaya maju dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam siri animasi Upin dan Ipin, nilai kerajinan dapat ditonjolkan oleh watak Ehsan yang selalu membantu Cikgu Jasmin. Selain itu, Upin dan Ipin juga rajin membantu opah mereka semasa berada di rumah. Misalnya adik-beradik kembar ini membantu opah menyediakan makanan. Nilai kerajinan ini diwujudkan dalam siri animasi Upin dan Ipin adalah untuk memberi tahu kepada murid agar sentiasa melakukan perbuatan yang baik seperti rajin. Selain rajin menolong, rajin juga dapat dilihat ketika belajar. Upin dan Ipin yang rajin membaca buku semasa berada di rumah tanpa perlu disuruh. Nilai kerajinan yang lain.

<b>Nilai Kerajinan</b>	<b>Episod</b>	<b>Contoh Dialog atau Perlakuan</b>
- Selalu membuat kerja rumah - Selalu membantu guru	Seronoknya Membaca	Muirid-murid kelas Cikgu Jasmin telah menyiapkan kerja yang telah diberikan olehnya.
- Selalu membantu opah	Berkebun	Upin dan Ipin membantu opah berkebun di belakang rumah.
- Selalu membantu Kak Ros	Sayang Kak Ros	Upin dan Ipin membantu Kak Ros membersihkan kawasan rumah.

**Jadual 5: Nilai Kerajinan**

Dalam masyarakat Melayu itu sendiri, nilai rajin amat dititikberatkan sejak anak mereka masih kecil lagi. Nilai kerajinan ini menjadi cerminan kepada orang lain sekiranya didapati anak mereka itu malas. Akan timbul persepsi kegagalan ibu dan bapa mendidik anak. Misalnya, apabila seseorang murid berada di sekolah rajin membantu guru, maka tanggapan

kepada ibu dan bapa murid tersebut adalah positif. Begitu juga sebaliknya. Jadi, amat bersesuaian siri animasi Upin dan Ipin ini dijadikan antara bahan bantu belajar murid. Banyak nilai-nilai baik dijelmakan dan murid-murid secara tidak langsung mudah untuk mencontohi nilai yang baik tersebut.

Melalui kaedah konstruktivisme yang digunakan dalam pengajaran, guru boleh memainkan peranan dalam memberi panduan dan bimbingan kepada murid bagi mendapatkan atau mengeluarkan nilai yang baik daripada bahan multimedia kartun animasi Upin dan Ipin. Selepas diberi panduan dan bimbingan, murid akan menggunakan pengetahuan sedia ada atau pengalaman mereka yang lampau dalam menjelmakan nilai yang terdapat dalam bahan multimedia tersebut. Ini akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran antara guru dan murid.

### **Kesimpulan**

Justeru, pendekatan pengajaran berasaskan multimedia mampu memindahkan sesuatu maklumat daripada buku teks yang statik kepada suatu corak pembelajaran yang baik. Di sini, animasi memainkan peranan penting bagi menceriakan lagi persempahan sesebuah informasi. Perkara ini penting untuk memastikan murid dapat menumpukan perhatian dan tidak merasa jemu ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Kekuatan yang ada dalam kartun animasi Upin dan Ipin seperti budaya yang ditonjolkan amat sesuai untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Masyarakat yang berbilang bangsa boleh hidup dalam suasana aman dan damai serta saling memerlukan, amat sesuai dalam menerapkan unsur nilai kepada murid.

### **Rujukan**

- Abd. Rahim Abd. Rashid (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2004). *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Rahman Md. Aroff (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publication & Distributors.
- Johnson, P. & Gott, R. (1996). Constructivism and Evidence From Children's Ideas dlm Kertas kerja Rio Sumarni Shariffudin & Tang Howe Eng. *Effectives of Cobndiff as a Cognitive Tool For the Learning of Differentiation*. Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan. UKM. 2002.
- Kasmaizun Enuni bt Maohd Sarji dan Kamariah bt Kamarudin. (2017). "Nilai Islam Dalam Teks Misa Melayu" dlm Jurnal *Rumpun*. Tanjung Malim: Budiman Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1999). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Kosmo, 7 Mei 2014
- Maryam Syafiqha bt Mohd Sayuti dan Jamilah Omar. (2017). "Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Kajian Berasaskan Teks Sulalatus Salatin" dlm Jurnal *Rumpun*. Tanjung Malim: Budiman Malaysia
- Needham, R. (1987). *Teaching Strategies for Developing Understanding in Science, Leeds Children's Learning in Science Project*. University of Leeds
- Nurul Raihana dan Norila bt Md Salleh. (2016). "Penerapan Nilai Murni KBSM Menerusi Watak Utama Dalam Teks Komsas Novel Tirani" dlm Jurnal *Rumpun*. Tanjung Malim: Budiman Malaysia
- Norazimah Zakaria. (2014). "Bayangan Inses dalam Hikayat Raja Pasai" dlm *Jurnal Pendeta*. Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jilid 5. Hlm: 57-70

- Post & Weingartner (1969) dlm Zuraini Mat Jasin & Abdul Sukor Shaari (2012). “Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu.” dlm *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Siti Faridah Leong bt Abdullah dan Bazrul Bahaman. (2017). “Sulalatus Salatin Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni” dlm *Jurnal Rumpun*. Tanjung Malim: Budiman Malaysia
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (1998). “Ke Arah Pelaksanaan Nilai-nilai Murni dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara” dlm *Kertas Kerja Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum dalam KBSM*. UKM.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi (2008). *Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan Praktis*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Noor (2011). “Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu” dlm *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11 (3): 163-177.